

# Hilton PJ Terus hulur sumbangan

Oleh MARKUS LIM

**B**IARPUN kejadian gempa bumi yang melanda benua Asia Selatan mutakhirnya di Pakistan sudah lima bulan berlaku, namun keprihatinan dan sifat pemurah rakyat Malaysia dalam mengemukakan bantuan kepada mereka yang memerlukan terus datang mencurah-curah.

Terbaru, derma bernilai RM21,306 telah disumbangkan oleh Hotel Hilton Petaling Jaya, salah sebuah hotel terkemuka di ibu negara. Derma yang berjaya dikutip daripada kalangan kakitangan dan tetamu hotel itu akan disalurkan kepada mangsa gempa bumi merentasi Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (MRCS).

Dengan kutipan derma terbaru itu, ia menjadikan jumlah keseluruhan sumbangan Hotel Hilton Petaling Jaya kepada mangsa gempa di Pakistan, meningkat kepada RM41,306.

Tahun lalu, Hilton Petaling Jaya bersama-sama dengan hotel-hotel milik syarikat Tradewinds Hotels & Resorts Sdn. Bhd. telah berjaya menyumbangkan derma sebanyak RM10,000 yang kemudiannya diserahkan kepada mangsa di bawah kendalian Tabung Kemasyarakatan.

Sebagai tanda muhibah, hotel tersebut juga menyumbangkan RM10,000 lagi kepada Persatuan Hotel-Hotel Malaysia (MAHH) bagi disalurkan kepada Suruhjanjaya Tinggi Pakistan.

Penyampaian cek bernilai RM21,306 telah diserahkan kepada Timbalan Pengerusi MRCS, Hisham Hashim oleh Pengarah Perkhidmatan Perniagaan Hilton Petaling Jaya, Markus Kaliss pada satu majlis ringkas di ibu pejabat MRCS, baru-baru ini.

Menurut Kaliss, Hotel Hilton Petaling Jaya memutuskan untuk turut serta dalam kempen mengutip derma kerana berkegisi keseimbangan masyarakat antarabangsa terhadap kebajikan dan nasib mangsa gempa.

"Kami berharap dengan jumlah sumbangan ini yang akan disalurkan kepada mangsa merentasi MRCS, ia dapat membantu kerja-kerja membangunkan semula kehidupan masyarakat di Pakistan," ujarnya.

dan digantikan dengan wang tunai kepada Jawatankuasa Pertubuhan Palang Merah Antarabangsa (ICRC).

Wang tersebut kemudiannya akan digunakan untuk membiayai operasi bantuan seperti Tabung Umum ICRC, Bantuan Gempa Bumi Asia Selatan dan Bantuan Tsunami.

Setiap 10,000 mata HHonors yang diperolehi adalah bersamaan dengan AS\$25 (RM92.50) dan 100 peratus daripada sumbangan itu akan disalurkan secara terus kepada tabung ICRC yang diutamakan oleh tetamu.

Kaliss menjelaskan, kempen kutipan derma kali ini tidak akan berjaya jika tidak kerana sokongan padu yang diberikan oleh hampir 90 peratus tetamu dan 600 kakitangan hotel yang bersejua untuk menyertai kempen kutipan derma tersebut.

Kempen mengutip derma untuk mangsa gempa bumi di Pakistan berlangsung selama dua setengah bulan bermula dari pertengahan Oktober dan berakhir pada Disember lalu.

Sepanjang tempoh tersebut, tetamu-tetamu hotel boleh membuat sumbangan kepada mangsa melalui penambahan RMI ke dalam bilik penginapan mereka dan bilangan hari penginapan di hotel itu. Langkah tersebut dijalankan setelah mendapat kebenaran daripada tetamu-tetamu.

Bulan Oktober hingga Disember, menurut Kaliss, dipilih untuk pengantaran kutipan derma itu memandangkan kadar tempahan bilik penginapan hotel dan restoran berada pada paras yang tertinggi. Keadaan dicirikan lagi dengan suasana perayaan yang mengutamakan semangat memberi dan berkongsi.

Bagi yang tidak berpeluang untuk menyumbangkan derma kepada mangsa gempa sepanjang kempen Disember lalu, anda tidak perlu risau.

Satu program ganjaran kepada tetamu-tetamu Hilton yang dikenali sebagai HHonors akan memberi peluang kepada ahli-ahli untuk menderma mata yang diterima mereka



MARKUS Kaliss (kanan sekali) menyerahkan cek sumbangan kepada Hisham Hashim (kiri) sambil diperhatikan oleh Setiausaha Agung MRCS, Datu' Abu Hassan Salleh (tengah) pada majlis ringkas di ibu pejabat MRCS, baru-baru ini.